

## **Bantuan Sokongan Rakan Sebaya Terhadap Perkembangan Pembelajaran Murid Program Pendidikan Inklusif Menggunakan *Buddy System***

Ng Pei San

Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ting Hwa, Melaka  
*g-62120713@moe-dl.edu.my*

### **ABSTRAK**

Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) telah termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Akta Pendidikan 1996 yang membolehkan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) menghadiri kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan tanpa mengira ketidakupayaan dan kecacatan mereka. Namun, MBPK perlu diberi bantuan yang sesuai agar mereka dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara inklusif bersama rakan sebaya mereka. Justeru, rakan sebaya yang belajar bersama-sama dengan MBPK dalam kelas arus perdana yang sama telah memainkan peranan yang penting dalam *Buddy System*. *Buddy System* merupakan amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh pengamal (guru dan murid yang terlibat dengan *Buddy System*) di SJK (C) Ting Hwa, Melaka bertujuan untuk memberi bantuan sokongan kepada MBPK bagi meningkatkan perkembangan pembelajaran MBPK samada di dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah. Melalui amalan terbaik ini, kerjasama antara rakan sebaya di kelas inklusif bersama dengan guru telah berjaya membimbing serta membantu mengurangkan masalah salah laku dalam kalangan MBPK seperti yang dihasratkan. Selain memberi pengaruh positif terhadap MBPK, hasil daripada *Buddy System* juga telah berjaya membentuk murid yang mempunyai jati diri yang tinggi secara tidak langsung. Amalan terbaik yang diketengahkan ini merupakan satu nilai tambah dalam perlaksanaan PPI. Diharapkan amalan terbaik ini dapat diperlakukan dan diamalkan di sekolah demi membantu guru pendidikan khas dan guru arus perdana dalam menyelesaikan masalah berkaitan MBPK sekaligus mempertingkatkan pembentukan sahsiah di kalangan murid arus perdana.

**Kata kunci :** Program Pendidikan Inklusif, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, Sokongan Rakan Sebaya, Perkembangan Pembelajaran, Buddy System

---

### **Pengenalan Amalan Terbaik**

Pendidikan inklusif diperkenalkan hasil daripada sumbangannya pelbagai dasar di peringkat antarabangsa yang secara tidak langsung telah menjadikan pendidikan khas semakin berkembang. Pendidikan inklusif dengan penglibatan MBPK ke arus perdana telah menjadi satu trend global sejak 1990-an (Adams et al., 2013; Takala et. al., 2012; UNESCO, 1994, 1999). Penyataan Salamanca (UNESCOSS, 1994) antaranya merupakan salah satu dokumen antarabangsa yang telah mencetuskan

usaha ini dengan menyokong kanak-kanak berkeperluan khas akses ke dalam sistem pendidikan arus perdana serta banyak memberi implikasi ke atas perkembangan pendidikan inklusif di seluruh negara termasuk negara Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan pendidikan inklusif secara rasmi di Malaysia pada tahun 1995 (Saiful, 2017) iaitu setahun selepas persidangan di Salamanca dan ini merupakan salah satu usaha KPM untuk menambah baik perkhidmatan Pendidikan Khas yang sedia ada. Pelaksanaan PPI ini bukan sahaja memerlukan infrastruktur yang baik dari segi fizikal seperti kelas yang kondusif, kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU), peralatan sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP), malah sistem sokongan serta bantuan yang mantap juga adalah penting untuk membantu MBPK belajar dengan lebih baik di kelas arus perdana. Untuk membantu MBPK agar dapat menyesuaikan diri serta melibatkan diri dalam setiap aktiviti di sekolah, maka penglibatan setiap warga sekolah dengan memberi perhatian dan sokongan kepada MBPK adalah sangat diperlukan dan antaranya rakan sebaya dilihat sebagai salah satu agen yang penting dalam mempengaruhi MBPK.

Fokus kajian mengenai kepentingan sokongan rakan sebaya semakin berkembang dari semasa ke semasa. Larocque dan Darling (2008) menyatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh rakan-rakan di kelas inklusif amat penting terutamanya pada peringkat awal MBPK di tempatkan di kelas inklusif. Kenyataan ini disokong oleh Biggs dan Rossi (2021) yang menyatakan bahawa hubungan di antara rakan sebaya banyak memberikan manfaat kepada murid inklusif dari aspek peningkatan kemahiran sosial dan juga akademik. Menurut Frostad dan Pijl (2007), penempatan MBPK di dalam kelas inklusif bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi akademik malah kemahiran sosial ekoran daripada proses pembelajaran bersama-sama rakan sebaya mereka di dalam kelas. Kenyataan ini turut disokong oleh Huber et al., (2018) yang berpendapat bahawa hubungan rakan sebaya dikaitkan dengan peningkatan sosial dan juga akademik. Selain itu, rakan sebaya juga adalah penting dalam membantu perkembangan serta pembangunan individu untuk meningkat dewasa. Hubungan baik dalam kalangan rakan sebaya boleh meningkatkan ciri-ciri psikologikal seperti kesejahteraan dan kegembiraan dalam hidup (Durlak et al., 2010; Piaget, 1965). Secara tidak langsung, keadaan ini turut menyumbang kepada nilai-nilai terminal dalam diri seseorang seperti keselesaan dan kebahagiaan yang mendorong untuk memaparkan tingkah laku yang positif. Kajian juga mendapati bahawa hubungan di antara bantuan sokongan rakan sebaya bukan sahaja memberi manfaat kepada MBPK namun turut memberikan manfaat kepada murid tipikal. Justeru, sokongan rakan sebaya merupakan satu inisiatif yang penting untuk menggalakkan murid tipikal bersikap lebih empati terhadap mereka yang kurang upaya (Adams, 2016).

Memandang kepentingan peranan dan pengaruh rakan sebaya seperti yang dinyatakan, maka *Buddy System* diperkenalkan di SJK (C) Ting Hwa, Melaka dengan tujuan untuk membantu MBPK. Menurut Candra (2016), konsep buddy berasal dari sebuah sekolah rendah di Clayton North, Melbourne, Australia. *Buddy* berasal dari bahasa Inggeris yang bermaksud rakan. *Buddy System* berlaku dalam keadaan antara dua orang rakan sebaya melakukan aktiviti bersama-sama dan berkongsi minat

yang sama dan merupakan salah satu sistem sokongan yang berlandaskan kepada sifat kesukarelaan di antara rakan.

### **Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik**

Pendidikan Inklusif bermaksud suatu program pendidikan bagi MBPK yang dihadiri oleh MBPK bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Dengan kata lain, Pendidikan Inklusif adalah pernyertaan MBPK untuk belajar bersama murid-murid tipikal di aliran perdana dan diajar oleh guru perdana yang sama. Pengajaran guru perdana berkenaan akan mendapat bantuan, bimbingan dan modifikasi daripada guru pendidikan khas yang bertindak sebagai guru pembimbing agar MBPK dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran serta menguasai kemahiran semaksima mungkin (Murnie, 2013).

Namun, MBPK bermasalah pembelajaran biasanya mempunyai kemampuan kognitif yang rendah dan sebahagiannya pula tidak menguasai kemahiran bersosial. Oleh itu, mereka akan mengalami masalah untuk mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersama dengan murid arus perdana dan ini menyukarkan mereka bersaing untuk mendapatkan pembelajaran yang lebih bermakna di dalam kelas arus perdana. Selain itu, murid MBPK juga adalah antara golongan yang lemah dari aspek penguasaan kemahiran belajar berikutan tahap pengekalan tumpuan yang singkat dan kesukaran untuk memastikan pelajaran yang disampaikan diperolehi dengan kadar sepatutnya. Keadaan ini bukan sahaja menjelaskan penguasaan akademik dan motivasi belajar (Murnie, 2013) MBPK yang akhirnya menyebabkan mereka kembali ke kelas pendidikan khas bahkan menjadi suatu cabaran yang besar dalam usaha KPM mencapai sasaran 75% MBPK dalam Pendidikan Inklusif menjelang 2025.

Hubungan rakan sebaya yang positif merupakan sumber sokongan yang penting untuk membantu murid belajar menguruskan hubungan (Carr, 2006). Oleh itu kemahiran sosial adalah diperlukan supaya mereka dapat menjalin hubungan yang positif dengan rakan sebaya. Ini kerana hubungan yang negatif dengan rakan sebaya menjadi risiko kepada perkembangan akademik dan juga psikologi mereka (Carr, 2006; Lopez & Snyder, 2003). Namun begitu, MBPK lazimnya mempunyai kemahiran sosial yang lemah dan biasanya mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah (Sukumaran et al., 2003) maka keadaan ini akan mempengaruhi masalah penyesuaian sosial mereka dan juga kurangnya keyakinan diri di kalangan MBPK (Han & Kemple, 2006). Memandangkan masalah yang dihadapi oleh MBPK, maka ini mendorong kepada penulisan amalan terbaik ini yang bertujuan untuk membantu guru arus perdana dan guru pendidikan khas dalam mengendali MBPK dengan lebih berkesan melalui bantuan sokongan *Buddy System*.

### **Objektif Pelaksanaan**

Objektif pelaksanaan *buddy system* ini ialah untuk:


1. Meningkatkan perkembangan pembelajaran MBPK.
2. Mengurangkan salah laku dalam kalangan MBPK.

3. Meningkatkan pembentukan sahsiah *buddy* dengan berjaya membina budaya kasih mesra dan saling membantu dalam kalangan murid.

### Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Model *Buddy System* yang digunakan ditunjuk dalam Rajah 1. Secara dasarnya, konsep *Buddy System* merupakan konsep rakan membantu rakan iaitu rakan tipikal membantu rakan pendidikan khas iaitu MBPK. *Buddy System* juga berlaku dalam keadaan antara dua orang rakan sebaya melakukan tugas kerja bersama-sama dan berkongsi minat yang sama. Oleh itu, dalam proses pemilihan pasangan *buddy*, guru perlu memilih dan melantik pasangan *buddy* yang mempunyai sifat peribadi yang lebih kurang sama dengan sifat keperibadian MBPK supaya mereka dapat berkongsi minat secara bersama. Disamping itu, pasangan *buddy* perlulah merupakan seorang rakan yang dapat menerima dan memberi bantuan sokongan kepada MBPK. Pemilihan pasangan *buddy* adalah berlandaskan kepada sifat kesukarelaan tanpa melalui proses yang sistematik ataupun menggunakan modul yang sedia ada seperti Modul Rakan Inklusif. Modul ini telah diterbitkan pada 2018 oleh Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia dan merupakan satu modul yang lengkap dan boleh dijadikan sebagai panduan untuk dalam pemilihan pasangan *buddy*.

**Rajah 1**  
*Model Peranan Buddy System*



Dalam model peranan *Buddy System*, pasangan *buddy* perlu sentiasa memberi keutamaan kepada MBPK dan turut sama memberi bantuan sokongan serta bekerjasama dengan guru untuk membantu dan membimbing MBPK dalam setiap aktiviti yang dijalankan samada aktiviti berbentuk akademik atau bukan akademik, aktiviti luar bilik darjah mahupun luar bilik darjah. Selain itu, pasangan *buddy* juga perlu menunjukkan sikap kepimpinan serta dijadikan *role model* yang boleh dicontohi oleh MBPK untuk memudahkan guru memberikan tugas. Pasangan *buddy* yang dipilih adalah atas dasar sukarela, selain perlu menyesuaikan diri dengan keadaan, mereka juga perlu menerima, mempunyai sifat atau sikap untuk membantu secara sukarela, serta perlu memerhati dan melaporkan kepada guru tentang keperluan semasa dan tingkah laku MBPK.

### **Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah temubual telah dijalankan terhadap lima (5) orang guru yang mengajar MBPK dan lima (5) orang murid tipikal yang menjadi pasangan *buddy* kepada MBPK.

Jadual 1 akan menyenaraikan tugas-tugas *buddy*. Bantuan yang diberikan oleh *buddy* kepada MBPK adalah hasil daripada perbincangan guru perdana dan guru pendidikan khas atau bergantung kepada masalah tingkah laku MBPK ketika berada di kelas arus perdana.

**Jadual 1**  
**Tugas-Tugas Buddy**

Aktiviti	Tugas-Tugas Buddy
Akademik	Memberi bantuan sokongan psikologi atau sosial yang melibatkan interaksi secara langsung atau tidak langsung kepada MBPK serta bekerjasama dengan guru untuk membantu dan membimbing MBPK ketika dalam bilik darjah
Bukan Akademik	Memberi bantuan sokongan psikologi atau sosial yang melibatkan interaksi secara langsung atau tidak langsung kepada MBPK serta bekerjasama dengan guru untuk membantu dan membimbing MBPK ketika di luar bilik darjah

Demografi dan kodifikasi yang digunakan ditunjuk dalam Jadual 2. Nama yang telah diberikan juga tidak merujuk kepada nama sebenar peserta kajian.

Seramai sepuluh (10) orang peserta kajian ditemubual yang terdiri daripada pasangan *buddy* kepada MBPK dan juga guru arus perdana yang mengajar MBPK.

Buddy dalam konteks kajian ini adalah rakan tipikal yang dipilih untuk membantu rakan pendidikan khas iaitu MBPK. Dapatan ini adalah berdasarkan jawapan daripada responden yang mengatakan:

*“Guru pendidikan khas pernah mengajar saya cara untuk memberi bantuan kepada dia apabila dia tidak fokus semasa guru mengajar dalam kelas seperti memanggil nama, menepuk bahu, memegang tangan dia sebagai tanda kita berkomunikasi dengan dia supaya dia membuat kerja sekolah.” Buddy Abu*

**Jadual 2**  
*Demografi dan Kodifikasi Pengenalan Peserta Kajian*

Bil.	Kategori	Kodifikasi
1	Pasangan buddy	Buddy Abu
		Buddy Bali
		Buddy Ca
		Buddy Didi
		Buddy Ena
2	Guru arus perdana	Guru perdana Aki
		Guru perdana Bakti
		Guru perdana Chin
		Guru perdana Deli
		Guru perdana Elle

*“Dia selalu tidak menghantar kerja rumah, cikgu. Jadi saya akan suruh dia keluarkan buku latihannya dan hantar kepada ketua kelas setiap hari. Adakala saya akan membantu dia menyalin tulisan perkataan untuk disiapkan di rumah juga.” Buddy Bali*

*“Saya akan memegang jari dia supaya dia menunjuk perkataan dalam buku teks dan membaca bersama kita. Kadang kala saya akan menunjuk perkataan untuk dia apabila dia tidak dapat mengikut atau ketinggalan. Cikgu, biasanya dia akan baca bersama saya walaupun ada kala dia marah pada saya juga.” Buddy Ca*

*“Saya selalu pergi ke kantin bersama dia, cikgu. Saya juga perlu membawa dia pergi ke tandas kerana dia suka bermain air di tandas dan akan lari ke tempat lain jika tidak diberi perhatian” Buddy Didi*

*“Dia tidak mahu membuat senaman dan selalu lari ke tempat lain. Cikgu suruh saya pegang tangan dia supaya dia tidak mlarikan diri setiap kali waktu Pendidikan Jasmani (PJ). Dia akan meniru perbuatan saya apabila cikgu PJ suruh dia mengikut perbuatan saya.” Buddy Ena*

Selain itu, untuk menguji keesahan data yang diperolehi, temubual bersama guru arus perdana yang mengajar MBPK juga dilakukan sebagai pengesahan dan triangulasi data dalam perkembangan pembelajaran MBPK, salah laku MBPK dan sahsiah *buddy*. Dapatan ini adalah berdasarkan jawapan daripada responden yang mengatakan:

### **Perkembangan Pembelajaran MBPK**

*“...MBPK cenderung mengambil bahagian dan menyertai aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bersama pasangan buddy...MBPK didapati dapat memberi fokus kepada guru ketika guru sedang mengajar...” Guru perdana Aki*

*“...MBPK didapati mula menghantar tugas kerja rumah yang diarahkan oleh guru kerana *buddy* biasanya akan membantu guru mengingatkan MBPK untuk menghantar kerja rumah keesokkan hari...” Guru perdana Bakti*

*“...kadar tumpuan dan respon MBPK telah menunjukkan perkembangan dengan adanya bantuan sokongan pasangan *buddy*... terdapat perkembangan dalam pembelajaran MBPK kerana murid mula menghantar kerja rumah mereka...MBPK dapat menulis ejaan dengan baik apabila *buddy* membantu guru mengulangi perkataan ejaan yang disebut oleh guru untuk beberapa kali, walaupun tidak mendapat markah penuh tetapi ini merupakan permulaan yang baik bagi mereka...” Guru perdana Chin*

*“...MBPK dapat membaca bersama murid tipikal lain apabila pasangan *buddy* membantu menunjukkan setiap perkataan dalam buku teks MBPK...” Guru perdana Deli*

### **Salah laku MBPK**

*“...Pengawalan dan pengurusan kelas menjadi lebih efektif berbanding dengan dahulu kerana MBPK dapat duduk sekurang-kurangnya apabila pasangan *buddy* menemaninya...” Guru perdana Aki*

*“...masalah MBPK yang kerap tidak menghantar tugas kerja rumah menunjukkan penurunan kerana *buddy* MBPK akan membantu mengingatkan MBPK menghantar kerja rumah setiap pagi ...” Guru perdana Bakti*

“...masalah MBPK tidak fokus dan tidak memberi tumpuan dalam kelas dapat dikurangkan kerana buddy akan memberi bantuan yang sesuai kepada MBPK seperti yang dicadangkan oleh guru pendidikan khas...MBPK yang akan mengamuk dan enggan menghantar kerja rumah didapati dapat mengikut arahan dengan baik apabila buddy menggunakan piktogram yang disediakan oleh guru pendidikan khas ...”  
*Guru perdana Chin*

“...MBPK dapat membaca bersama murid tipikal lain apabila pasangan buddy membantu menunjukkan setiap perkataan dalam buku teks MBPK. Keadaan ini juga berjaya mengurangkan salah laku MBPK menjerit dalam kelas setelah MBPK mula memberi fokus dalam pembelajaran...”  
*Guru perdana Deli*

### **Sahsiah Buddy**

“...pasangan buddy akan memberi tunjuk ajar kepada MBPK apabila MBPK memerlukan bantuan...”  
*Guru perdana Aki*

“...bukan sahaja pasangan buddy malah murid tipikal lain dalam kelas juga prihatin terhadap keperluan MBPK...pasangan buddy bukan sahaja telah menjadi role model kepada MBPK malah role model kepada murid tipikal lain...”  
*Guru perdana Bakti*

“...pasangan buddy bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat kepada guru malah menjadi pelapor kepada ibu bapa MBPK...pasangan buddy akan membantu memaklumkan ibu bapa MBPK dalam kelas mereka mengenai kerja rumah dan masalah yang dihadapai oleh MBPK ketika waktu pulang...”  
*Guru perdana Chin*

“...buddy juga akan berkongsi buku bersama MBPK apabila MBPK tidak membawa buku teks ke sekolah...”  
*Guru perdana Deli*

“Pasangan buddy selalu meneman MBPK ke kantin untuk memastikan MBPK menghabiskan makanan yang dibawa serta mengingatkan MBPK untuk menyimpan bekas makanan selepas makan. MBPK main bersama pasangan buddy dan rakan lain ketika waktu rehat. Pasangan buddy juga akan membawa dan membantu mencari MBPK sekiranya MBPK didapati tidak balik ke kelas selepas waktu rehat atau tidak balik ke kelas selepas pergi ke tandas.”  
*Guru perdana Elle*

Berdasarkan temubual yang dijalankan, didapati pasangan *buddy* dan guru arus perdana sebulat suara menyatakan bahawa terdapat perubahan dan perkembangan dalam MBPK dengan adanya bantuan sokongan pasangan *buddy*. Dapatkan kajian menunjukkan *Buddy System* yang dilaksanakan di SJK (C) Ting Hwa berjaya meningkatkan perkembangan dalam pembelajaran MBPK samada dari aspek akademik, sosial mahupun psikologi MBPK, rujuk Rajah 2. Selain itu, perkembangan

ini juga sekaligus berjaya mengurangkan masalah salah laku atau tingkah laku di kalangan MBPK seperti menjerit, tidak fokus dan enggan menghantar tugas kerja yang diarah oleh guru. Guru yang terlibat dalam kajian mengakui pengurusan bilik darjah menjadi lebih berkesan, suasana belajar menjadi lebih seronok dan aktiviti yang dilaksanakan adalah lebih lancar hasil daripada penerapan sikap empati, budaya kasih mesra dan tolong-menolong yang wujud dalam kalangan murid.

Walau bagaimanapun, terdapat juga guru yang menyatakan pasangan *buddy* dan rakan tipikal lain akan hilang tumpuan apabila membantu mengurus MBPK. Salah laku MBPK masih wujud walaupun dengan bantuan dan sokongan pasangan *buddy*. Terdapat juga rungutan pasangan *buddy* terhadap MBPK yang memukul dan tidak menghirau atau memberi respon terhadap bantuan yang diberikan oleh mereka. Namun begitu, dengan memahami peranan dan tanggungjawab sebagai pasangan *buddy* dan guru, mereka masih melaksanakan tanggungjawab dan cuba sedaya upaya untuk membantu MBPK dengan secara sukarela.

**Jadual 3**  
*Data Kajian*

Bil.	Kodifikasi	Perkembangan pembelajaran MBPK	Salah laku MBPK	Sahsiah <i>buddy</i>
1	Guru perdana Aki	Meningkat	Berkurang	Berjaya dibentuk
2	Guru perdana Bakti	Meningkat	Berkurang	Berjaya dibentuk
3	Guru perdana Chin	Meningkat	Berkurang	Berjaya dibentuk
4	Guru perdana Deli	Meningkat	Berkurang	Berjaya dibentuk
5	Guru perdana Elle	---	---	Berjaya dibentuk

## Rumusan dan Cadangan

Kajian ini mendapati wujudnya perkembangan pembelajaran MBPK melalui pelaksanaan *Buddy System*. Selain itu, melalui pengaruh positif dan persepaduan dalam aktiviti lain, pasangan *buddy* dapat memainkan peranan membantu mengurangkan masalah salah laku dalam kalangan MBPK. Selain itu, sahsiah di kalangan murid arus perdana khasnya dalam kalangan pasangan *buddy* juga Berjaya dibentuk secara tidak langsung dengan pelaksanaan *Buddy System*. Memandangkan *Buddy System* dilihat banyak memberikan manfaat kepada MBPK maka adalah disarankan agar sistem ini dilaksanakan di sekolah khasnya sekolah yang melaksanakan PPI.

Walau bagaimanapun kajian ini mendapati bahawa perlunya pihak sekolah menunjukkan tanda penghargaan kepada pasangan *buddy* selain daripada ucapan terima kasih daripada guru dan ibu bapa demi meningkatkan motivasi pasangan *buddy* untuk membantu MBPK di PPI. Pasangan *buddy* harus dibimbang untuk menghadapi MBPK yang sememangnya mempunyai kekurangan dari aspek sosial dan banyak karenah. Pihak sekolah juga perlu menerangkan secara terperinci dan terbuka bukan sahaja kepada pasangan *buddy* MBPK, malah termasuk murid-murid tipikal yang lain mengenai ciri-ciri MBPK yang akan menjadi rakan sekelas mereka. Dengan adanya penerangan tersebut, murid-murid tipikal akan lebih dapat memahami, menerima serta memberi bantuan dan sokongan yang sesuai terhadap murid berkeperluan khas dalam kelas inklusif tersebut.

## Rujukan

- Adams, D. (2016). *The Effectiveness of the Buddy Support System in Special Education in Malaysia. International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)*, Conference proceeding, 1-23.
- Adams, D., Harris, A., & Jones, M. S. (2013). Teacher-Parent collaboration for an inclusive classroom: Success for every child. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 4(3), 58-71.
- Biggs, E. E., & Rossi, E. B. (2021). Supporting inclusion through peer support. Chapter 16. *Handbook of effective inclusive elementary school: Research and practice* (2nd ed.). Routledge. DOI: 10.4324/9781003043874-16
- Candra, N.P. (2016). *Sekolah nir kekerasan*. Yogyakarta: Ifada Press.
- Carr, A. (2006). *Family therapy: Concepts, process and practice* (2nd ed.). John Wiley & Sons Ltd.
- Durlak, J. A., Weissberg, R. P., & Pachan, M. (2010). A Meta-analysis of afterschool programs that Seek to promote personal and social skills in children and adolescents. *American Journal of Community Psychology*, 45(3–4), 294–309.

- Frostad, P. & Pijl, S.J. (2007). Does being friendly help in making friends? The relation between the social position and social skills of pupils with special needs in mainstream education. *European Journal of Special Needs Education* 22, no. 1, 15– 30.
- Han, H.S., & Kemple, K.M. (2006). Components of social competence and strategies of support: Considering what to teach and how. *Early Childhood Educ J.*, 34, 241– 246.
- Huber, H. B., Carter, E. W., Lopano, S. E., & Stankiewicz, K. C. (2018). Using structural analysis to inform peer support arrangements for high school students with severe disabilities. *American Journal on Intellectual and Developmental Disabilities*, 123(2), 119-139.
- LaRocque, M. & Darling, S. (2008). *Blended curriculum in the inclusive K3 classroom: Teaching all young children*. USA: Pearson Education, Inc.
- Lopez, S. J., & Snyder, C. R. (2003). *Positive psychological assessment: A handbook of models and measures* (pp. xvii-495). American Psychological Association.
- Murnie Hassan. (2013). *Perlaksanaan program inklusif bagi pelajar-pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran di program integrasi*. Tesis Sarjana. UTM.
- Noor Erma Abu & Leong, K. E. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2 (1), 1-10.
- Norhayati Zakaria. (2013). Hubungan antara perapatan ibu bapa dan rakan sebaya dengan tingkah laku sosial remaja. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013)*. UTHM.
- Nursuhaili Baharuddin. (2010). *Hubungan antara kemahiran sosial dengan tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak Prasekolah di Tabika Kemas, Beaufort*. [Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah]. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah.
- Piaget, J. (1965). *The moral judgment of the child*. Translated by T. A. Brown and C. E. Kaegi. Palo Alto, CA: Annual Reviews.
- Saiful Azam Khoo Abdullah. (2017). *Program pendidikan inklusif bagi murid-murid berkeperluan khas di Malaysia*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Steinberg, L. D., Brown, B. B., & Dornbush, S. M. (1996). *Beyond the classroom: Why school reform has failed and what parents need to do*. Simon & Schuster.
- Sukumaran, S., Vickers, B., Yates, P., & Garralda, M. E. (2003). *Self-esteem in child and adolescent psychiatric patients*. European Child & Adolescent Psychiatry

- Takala, M., Hausstätter, R. S., Ahl, A., & Head, G. (2012). Inclusion seen by student teachers in special education: differences among Finnish, Norwegian and Swedish students. *European Journal of Teacher Education*, 35(3), 305-325.
- UNESCO. (1994). *World conference on special needs education: Access and quality*. UNESCO.
- UNESCO. (1999). *Salamanca-five years on: A review of UNESCO activities in the light of the Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education*. UNESCO.
- UNESCOSS. (1994). *The Salamanca statement and framework for action on special needs education*. UNESCO.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.